

# Kekalkan sekolah vernakular

**SAUDARA PENGARANG,**

**PADA** 23 Julai lalu telah diadakan forum bertajuk *Anak Melayu di sekolah Cina: Sesi perkongsian pengalaman* di Kuala Lumpur.

Ahli panel ialah lepasan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Joe Shekin dan dua bapa yang menghantar anak ke SJKC, Rosly Yusof dan E. Nasaruddin Muhammad. Majlis itu dianjurkan oleh SAUDARA iaitu pusat penyelidikan yang menumpukan kajian terhadap bidang sosiobudaya dan agama di Malaysia.

Matlamat forum itu adalah untuk

"Satu lagi perbezaan adalah guru di SJKC lebih menggalakkan murid untuk banyak mengajukan soalan."

anak mereka dipinggirkan dalam pembelajaran.

Bahkan, mereka merasakan pihak sekolah memahami dan menghormati perbezaan agama, kaum dan budaya di sekolah vernakular.

Antara perkara dikongsi



**SEMUA** pihak perlu memastikan kematian tragis pelajar UPNM, Zulfarhan Osman Zulkarnain akibat dibuli tidak berulang. - UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN

## Pandang serius kes buli

mendedahkan akan hakikat bahawa terdapat ibu bapa Melayu yang memilih menghantar anak-anak belajar ke SJKC dan berpendapat ia langkah terbaik walaupun ada pihak yang mendesak sekolah vernakular ditutup.

Berdasarkan perangkaan Kementerian Pendidikan pada tahun lalu, peratusan murid bukan daripada kaum Cina di SJKC mencecah 18 peratus daripada keseluruhan 520,000 murid.

Meskipun terdapat sedikit kebimbangan dalam kalangan ibu bapa Melayu pada mulanya terutama dari segi perbezaan bahasa, agama dan budaya, mereka mendapati kerisauan itu tidak bertempat dan tiada isu

ahli panel dalam tahap disiplin tinggi serta cara pembelajaran tegas, memahami pelajaran dan bukan menghafal serta tidak berdasarkan kepada buku teks sahaja telah berjaya melahirkan murid yang bersikap lebih matang dan dapat berfikir secara kritikal.

Satu lagi perbezaan adalah guru di SJKC lebih menggalakkan murid untuk banyak mengajukan soalan.

Kesimpulan dari sesi forum berkenaan adalah faktor utama ibu bapa menghantar anak-anak ke SJKC kerana mereka yakin ia adalah sekolah terbaik.

Dalam pada itu, saya berharap satu forum lain dianjurkan SAUDARA bagi membolehkan ibu bapa kaum Cina berkongsi pengalaman

positif mereka menghantar anak-anak belajar di sekolah kebangsaan.

#### AH LENG

Rawang,  
Selangor

**POSTER**  
mempromosikan forum bertajuk **Anak Melayu di sekolah Cina: Sesi perkongsian pengalaman di Kuala Lumpur, baru-baru ini. - IHSAN PEMBACA**



**Anak Melayu di Sekolah Cina**  
Sesi perkongsian pengalaman

Joe Shekin Rosly Yusof E.Nasaruddin Muhammad  
Ibu bapa yang menghantar anak ke Sekolah Cina

Lapangan SJKC  
Tarikh: 23 Julai 2019 (Belasa)  
Masa: 8.30pm - 10.30pm  
Tempat: Auditorium KLSCAH  
Bahasa Pengantar: Bahasa Malaysia  
BERMULA TEPAT 8.30 PM. SEMUA DIEMPUT HADIR.

saudara

#### SAUDARA PENGARANG.

**SUDAH** sampai masanya kejadian buli yang berlaku di universiti mendapat perhatian serius semua pihak dalam negara kita. Ini susulan kematian tragis yang menimpa pelajar Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Zulfarhan Osman Zulkarnain pada 2017 yang dipercayai berlaku akibat didera selepas dituduh mencuri komputer riba milik rakannya.

Pertuduhan terhadap enam tertuduh yang kesemuanya berusia 23 tahun, dibuat mengikut Seksyen 302 dan 109 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan. Mereka bersama 13 lagi penuntut turut didakwa atas pertuduhan dengan sengaja menyebabkan cedera terhadap mangsa bagi maksud hendak memerasnya untuk mendapatkan pengakuan mencuri komputer riba yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum tujuh tahun dan denda, jika sabit kesalahan.

Ramai pihak dalam negara kita masih beranggapan bahawa kes buli hanya berlaku dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah sahaja tanpa menjangka masalah sama boleh berlaku dalam kalangan mahasiswa.

Anggapan sebegini wujud kerana ramai beranggapan pelajar peringkat universiti sudah mempunyai tahap kematangan dan kebijaksanaan tinggi, justeru tidak mungkin mereka akan terjebak ke kancak kegiatan buli.

Andaian ini adalah tidak benar kerana sudah banyak kajian yang dilakukan pihak-pihak dalam dan luar negara jelas menunjukkan kegiatan

buli boleh berlaku di semua peringkat kehidupan kita termasuk sekolah, universiti, pejabat dan di atas jalan raya. Perlu diketahui, masalah buli ini tidak hanya berbentuk fizikal. Buli juga boleh berlaku secara emosi dan mental seperti yang terjadi dalam alam maya melalui media-media sosial yang banyak digunakan oleh penuntut universiti pada masa kini.

Oleh yang demikian, masyarakat khususnya pihak-pihak yang berkepentingan dalam perkara ini seperti pengurusan universiti perlu mengambil langkah lebih berani dan proaktif bagi menyelesaikan isu berkenaan sebelum ia menjadi lebih parah. Dalam mengatasi masalah buli di peringkat universiti, pihak pentadbiran perlu memainkan peranan bagi mengenal pasti dan membendung masalah berkenaan.

Ini adalah kerana kejadian terbabit berlaku di dalam kawasan dan ketika waktu pengawasan mereka serta selalunya pihak pengurusan universiti lebih mengetahui masalah yang berlaku dengan terperinci berbanding dengan orang lain.

Mangsa buli dan pihak yang menyaksikan kejadian itu kebiasaannya tidak akan mengadu kepada pengurusan universiti kerana bimbang cerita mereka tidak akan dipercayai atau takut tidak diberi sebarang jaminan perlindungan dan penyelesaian sekiranya mereka sanggup tampil ke hadapan serta berkongsi segala maklumat

Oleh yang demikian, pihak pengurusan universiti perlu aktif mengambil pelbagai inisiatif bagi mengatasi isu berkenaan. Mereka tidak

boleh sekecil memandang isu buli yang berlaku dalam universiti sebagai masalah remeh-temeh atau cuba menyembunyikannya dari pengetahuan umum atas alasan takut isu berkenaan merosakkan reputasi universiti.

Isu buli perlu diatasi segera sebelum ia menjadi satu masalah serius. Para pensyarah harus memainkan peranan mereka dengan sentiasa peka terhadap suasana yang berlaku di sekeliling. Pensyarah perlu menghulurkan sebarang jenis bantuan dengan segera sekiranya mereka mengesyaki wujudnya kegiatan buli.

Para pelajar universiti itu sendiri perlu memainkan peranan dalam mengatasi masalah buli. Mereka harus bertindak dan menghulurkan bantuan kepada mana-mana rakan mereka yang disyaki menjadi mangsa buli. Pihak persatuan pelajar juga harus kerap melakukan proses pemantauan terhadap isu buli ini serta menganjurkan pelbagai jenis program bagi mewujudkan kesedaran dalam kalangan mahasiswa bahawa kejadian buli tidak sepatutnya terjadi di universiti.

Kesimpulannya, kes buli yang berlaku di universiti perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak. Langkah-langkah lebih komprehensif perlu dirangka dan dilaksanakan oleh pihak pengurusan universiti untuk membendung dan mengatasinya secara efektif, efisien dan profesional bagi mewujudkan persekitaran tempat pembelajaran lebih kondusif, aman dan selamat untuk semua pihak.